

**PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN
(ARTIKEL-ARTIKEL YANG DIBUAT DARIPADA
LOGAM BERHARGA) 1994***

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 38A(e) Akta Perihal Dagangan 1972, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama dan mula berkuat kuasa.

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Artikel-Artikel yang Dibuat daripada Logam Berharga) 1994** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada lhb Ogos 1995.

2. Tafsiran.

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"ditanda" termasuk diukir dan dicap;

"logam berharga" ertinya emas, perak atau platinum dalam bentuk tulen atau aloi emas, perak atau platinum; dan

"standard ketulenan" berhubung dengan artikel-artikel yang dibuat daripada logam berharga, ertinya bilangan bahagian mengikut berat emas, perak atau platinum tulen dalam seribu bahagian mengikut berat logam berharga.

3. Perihal dagangan berhubung dengan standard ketulenan.

(1) Sesuatu perihal dagangan yang digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan berhubung dengan standard ketulenan sesuatu artikel yang dibuat daripada logam berharga hendaklah seperti berikut:

- (a) berhubung dengan emas, ia hendaklah hanya seperti yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama;
- (b) berhubung dengan perak, ia hendaklah hanya seperti yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama; dan
- (c) berhubung dengan platinum, ia hendaklah hanya seperti yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Pertama.

* Diterbitkan sebagai PU(A) 292/1994.

(2) Jika sesuatu artikel yang dibuat daripada logam berharga adalah daripada ketulenan yang lebih tinggi daripada suatu standard ketulenan yang dinyatakan bagi logam itu dalam Jadual Pertama tetapi adalah lebih rendah daripada standard lebih tinggi yang terdekat, maka standard ketulenan artikel itu adalah standard lebih rendah yang terdekat yang dinyatakan dalam Jadual itu.

(3) Sesuatu artikel daripada standard ketulenan yang lebih rendah daripada standard ketulenan minimum yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tidak boleh disebut dengan nama emas, perak atau platinum.

4. Standard ketulenan hendaklah ditanda pada artikel.

(1) Tiap-tiap artikel yang dibuat daripada logam berharga yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan oleh mana-mana orang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan hendaklah ditanda dengan jelas dan secara tak boleh dihapuskan dalam angka Arab yang menunjukkan standard ketulenan kandungan logam berharga itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Walau apa pun subperenggan (1) dan peruntukan peraturan 3, sesuatu artikel yang dibuat daripada logam berharga emas yang standard ketulennanya ialah 916.6 hendaklah ditanda sebagai 916 sahaja.

(3) Setiap tanda angka yang dinyatakan dalam subperaturan (1) tidak boleh mempunyai saiz yang lebih kecil daripada 0.6 milimeter tinggi dan lebarnya.

(4) Peraturan ini tidak terpakai bagi apa-apa artikel yang kurang daripada 1.5 gram beratnya dan mempunyai saiz yang sebegitu kecil atau nipis sehinggakan menyebabkan penandaannya tak praktik.

5. Penandaan artikel yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang berlainan standard ketulennanya.

Jika sesuatu artikel yang dibuat daripada logam berharga emas atau perak terdiri daripada bahagian-bahagian yang berlainan standard ketulennanya, maka setiap bahagian hendaklah ditandakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini seolah-olah ia adalah sesuatu artikel yang berasingan.

6. Penandaan artikel yang dibuat daripada dua logam berharga atau lebih.

(1) Jika sesuatu artikel dibuat daripada dua logam berharga atau lebih dan lebih daripada lima puluh peratus mengikut berat artikel itu terdiri daripada satujenis logam berharga, maka –

- (a) standard ketulenan logam berharga yang banyak sekali itu hendaklah ditandakan pada artikel itu; dan
- (b) bahagian atau bahagian-bahagian lain hendaklah diperihalkan dalam resit yang dikeluarkan di bawah peraturan 9.

(2) Peruntukan-peruntukan perenggan (1)(b) tidaklah boleh dengan apa-apa jua cara mengurangkan, dan hendaklah tanpa menjejaskan apa-apa keperluan lain yang dikehendaki di bawah peraturan 9.

7. Pematerian artikel.

(1) Penggunaan pateri berkenaan dengan sesuatu artikel yang dibuat daripada logam berharga emas hendaklah seperti berikut:

- (a) jika artikel itu adalah daripada standard ketulenan 999, ketulenan pateri yang digunakan hendaklah tidak kurang daripada 950 bahagian bagi setiap seribu;
- (b) jika artikel itu adalah daripada standard ketulenan 950, ketulenan pateri yang digunakan hendaklah tidak kurang daripada 875 bahagian bagi setiap seribu;
- (c) jika artikel itu adalah daripada standard ketulenan 916.6, 875 atau 835, ketulenan pateri yang digunakan hendaklah tidak kurang daripada 835 bahagian bagi setiap seribu; dan
- (d) jika artikel itu adalah daripada standard ketulenan di bawah 835, ketulenan pateri yang digunakan hendaklah sama dengan standard ketulenan artikel itu.

(2) Jika sesuatu artikel dibuat daripada logam berharga perak, ketulenan pateri yang digunakan hendaklah tidak kurang daripada 650 bahagian bagi setiap seribu.

(3) Jika sesuatu artikel dibuat daripada logam berharga platinum, ketulenan pateri yang digunakan hendaklah sekurang-kurangnya 995 bahagian bagi setiap seribu daripada gabungan emas, perak, platinum atau palladium tertakluk kepada kandungan emas minimum yang tidak kurang daripada 450 bahagian bagi setiap seribu.

8. Perihal dagangan palsu.

Sesuatu perihal dagangan yang menunjukkan standard ketulenan artikel-artikel yang dibuat daripada logam berharga adalah sesuatu perihal dagangan palsu jika penunjukan itu adalah palsu pada apa-apa takat atau darjah, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Peraturan-Peraturan ini

9. Resit.

(1) Mana-mana orang yang dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan membekalkan atau menawar untuk dibekalkan apa-apa artikel yang dibuat daripada logam berharga hendaklah, pada masa pembekalan itu, memberi orang yang kepadanya artikel itu dibekalkan suatu resit yang hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama dan alamat penuh pembekal;
- (b) tarikh pembelian;
- (c) nama dan jenis artikel itu;
- (d) standard ketulenan artikel itu;
- (e) harga logam berharga bagi setiap satu gram;
- (f) berat artikel itu;
- (g) harga artikel itu;
- (h) kos pembuatan (jika ada);
- (i) tandatangan jurujual; dan
- (j) perihal mengenai bahagian-bahagian artikel yang dibuat daripada suatu logam berharga yang berlainan standard ketulenannya, jika sesuai.

(2) Jika sesuatu artikel terdiri daripada bahagian yang dibuat daripada logam berharga dan bahagian lain yang dibuat daripada logam lain, maka resit hendaklah jua mengandungi suatu perihal bahagian artikel yang dibuat daripada logam berharga dan perihal lanjutan bahagian yang terdiri daripada logam lain itu.

(3) Butir-butir yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(4) Pembekal hendaklah menyimpan suatu salinan resit yang dikeluarkan di bawah peraturan ini selama tempoh satu tahun selepas tarikh pengeluaran itu.

10. Artikel yang disadur.

(1) Jika sesuatu artikel disadur dengan emas, perak atau platinum, perkataan "emas", "perak", atau "platinum" tidak boleh digunakan pada artikel itu melainkan jika syarat perkataan "disadur" digunakan bersama-sama dengan perkataan "emas", "perak" atau "platinum" itu.

(2) Perkataan "disadur" yang tersebut dalam subperaturan (1) hendaklah sekurang-kurangnya sama besar dengan perkataan "emas", "perak" atau "platinum", mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Artikel-artikel yang disadur tidak boleh mengandung apa-apa tanda yang disebut dalam peraturan 4.

11. Pengecualian.

Peraturan-Peraturan ini tidaklah terpakai bagi yang berikut:

- (a) artikel-artikel yang disenaraikan dalam Jadual Kedua; dan
- (b) artikel-artikel yang dibuat daripada logam berharga yang dikilangkan untuk tujuan eksport.

12. Kesalahan.

Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

JADUAL PERTAMA
(Peraturan 3)

STANDARD KETULENAN LOGAM BERHARGA

BAHAGIAN I

EMAS/ALOI EMAS

999
950
916.6
875
835
750
585
375

BAHAGIAN II

PERAK/ALOI PERAK

958.4
925
830
800

BAHAGIAN III

PLATINUM/ALOI PLATINUM

950

JADUAL KEDUA
(Perenggan 11 (a))

ARTIKEL-ARTIKEL YANG BAGINYA PERATURAN-
PERATURAN TIDAK TERPAKAI

1. Apa-apa duit syiling yang dibuat daripada logam berharga yang sedang atau telah pada bila-bila masa dahulu digunakan sebagai duit syiling semasa Malaysia atau mana-mana negara lain.
2. Apa-apa artikel yang dibuat daripada logam berharga yang telah digunakan atau yang dimaksudkan hendak digunakan untuk tujuan perubatan, pergigian, veterinar, saintifik atau perindustrian.
3. Apa-apa benang emas.

4. Apa-apa bahan mentah daripada logam berharga (termasuk apa-apa bar, jongkong, plat, kepingan, keranjang, dawai, jalur atau tiub) atau bullion.

5. Apa-apa artikel yang dibuat daripada logam berharga yang dikilangkan sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini

Dibuat pada 14 Julai 1994

**PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN
(ARTIKEL-ARTIKEL YANG DIBUAT DARIPADA
LOGAM BERHARGA) 1994**

Undang-undang yang meminda	SENARAI PINDAAN Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
	-TIADA-	